

**PENILAIAN TERHADAP ASPEK CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI OLEH  
GURU SEMASA MENJALANKAN PENTAKSIRAN AKHLAK MURID  
(Assessment on Aspect of Challenges Faced By Teachers During Conducting Students'  
Characteristics Evaluation)**

\*Rohida Jamaludin<sup>1</sup>, Zetty Nurzuliana Rashed<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [zetty@kuis.edu.my](mailto:zetty@kuis.edu.my)

**Article History:**

Submit: 13 March 2020

Accepted: 16 March 2020

Revised: 17 June 2020

Published: 29 June 2020

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 4, No. 1 (2020), 8-12*

**Abstrak**

Pentaksiran akhlak bertujuan untuk menambahbaik akhlak dan adab murid. Satu instrumen untuk mentaksir pencapaian akhlak murid telah dibina oleh Unit Kurikulum dan Pentaksiran IKRAM Musleh yang dinamakan Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM Musleh (PKPIM). PKPIM ini digunakan dalam satu program pentaksiran akhlak murid yang dijalankan secara berkala. Satu kajian telah dijalankan bagi menilai proses pelaksanaan program pentaksiran akhlak ini menggunakan Model Penilaian KIPP Stufflebeam dengan memberi fokus kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Responden kajian ini terdiri daripada 93 orang guru yang menjadi mentor kepada murid-murid tahun enam di semua sekolah rendah IKRAM Musleh. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik. Statistik deskriptif menggunakan min telah digunakan untuk mengenalpasti tahap penilaian proses bagi program pentaksiran ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran berada pada tahap tinggi iaitu 3.89. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah item yang melibatkan guru kurang faham bagaimana melaksanakan pentaksiran PKPIM iaitu 3.99. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah item masa yang diperuntukan untuk perjumpaan mingguan tidak mencukupi bagi melaksanakan aktiviti pentaksiran iaitu 3.71. Kesimpulannya, kajian penilaian ini telah menunjukkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa menjalankan pentaksiran ialah guru kurang faham bagaimana menjalankan pentaksiran, murid pula kurang jelas matlamat pentaksiran dan masa yang diperuntukan untuk sesi perjumpaan mingguan adalah tidak mencukupi. Program pentaksiran akhlak ini merupakan program yang baik dan dapat mengubah sikap murid kepada yang lebih baik. Justeru, program ini mesti diteruskan dan beberapa penambahbaikan perlu diambil serta pelaksanaannya perlu diperkembangkan lagi.

**Kata kunci:** Pentaksiran Akhlak, Instrumen Pentaksiran Akhlak, Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM Musleh (PKPIM), Penilaian Program Pentaksiran, Model Penilaian KIPP

**Abstract**

Moral assessment aims to improve student morals and manners. An instrument for assessing student achievement was developed by the IKRAM Musleh Curriculum and Assessment Unit called Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM Musleh (PKPIM). The PKPIM is used in a regular student behavior assessment program. A study was conducted to evaluate the process of implementing this moral assessment program using the KIPP Stufflebeam Assessment Model by focusing on the problems faced by teachers in conducting the assessment. This study uses quantitative study design using survey method. The respondents of this study consisted of 93 teachers who were mentors to sixth year students in all IKRAM Musleh primary schools. Data were collected through interviews and were analysed using descriptive statistics with mean values were calculated to identify the level of process of the programme. The findings show that the aspect of problems encountered by teachers in performing assessments is at 3.89. The items with the highest mean are those involving teachers who do not understand how to implement the PKPIM assessment of 3.99. While the item with the lowest mean is that the time allotted for weekly meetings is insufficient to carry out the assessment activity of 3.71. In conclusion, this evaluation study has shown that the problems encountered by teachers in conducting assessments are that teachers do not understand how to carry out assessments, students do not have clear goals for assessment and allocation of weekly meetings is not sufficient. This

*moral assessment program is a great program and can change student attitude for the better. Therefore, the program must continue and some improvements need to be made and its implementation needs to be streamlined.*

**Keywords:** *Good Behavior, Evaluation, CIPP Evaluation Model, Behavior Assessment Programme, IKRAM Musleh Assessment Instrument*

## 1.0 PENGENALAN

Di dalam Islam, akhlak bersumberkan dari dua sumber yang utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Sabda Rasulullah saw “ Sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling baik akhlaknya” (Riwayat At-Tabrani). Perkataan akhlak adalah kata jamak dari khuluq. Tokoh falsafah akhlak Islam, Miskawaih (1966) merumuskan bahawa akhlak ialah suatu keadaan bagi diri atau jiwa yang mendorong diri atau jiwa tersebut untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Rasulullah SAW telah diutuskan oleh Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak yang mulia, maka adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan pendidik untuk menyambung apa yang dibawa oleh baginda SAW kepada umatnya iaitu pendidikan akhlak dalam keluarga dan masyarakat. Pendidikan akhlak telah didefinisikan oleh Al Ghazali (1998) sebagai proses untuk mendisiplinkan aspek spiritual dan fizikal seseorang manusia. Pendidikan akhlak ialah ilmu bagaimana seseorang mendidik dirinya untuk mencapai tahap akhlak mulia. Proses mendidik ini memerlukan ilmu, kemahiran dan latihan-latihan tertentu. Oleh itu, pendidikan akhlak boleh bersifat formal dan bukan formal.

Pendidikan akhlak yang diajar di sekolah-sekolah perlu dibuat pentaksiran. Pentaksiran akhlak bertujuan untuk menambahbaik akhlak dan adab murid. Pentaksiran ialah alat untuk memberi maklum balas sama ada pelaksanaan sesuatu kurikulum itu berada di atas landasan yang betul ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan (Bengkel *Taskforce* Kurikulum IKRAM Musleh, 2015). Menurut Lembaga Pentaksiran Malaysia (2000), pentaksiran merupakan satu proses untuk mendapat gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang dalam sesuatu subjek atau aktiviti pembelajaran. Aktiviti pentaksiran mesti berjalan secara berterusan. Oleh itu, pentaksiran yang baik ialah pentaksiran yang holistik yang merangkumi kognitif dan bukan kognitif.

## 2.0 LATARBELAKANG DAN PENYATAAN MASALAH

Pentaksiran Konstruk IKRAM Musleh (PKPIM) ialah satu instrumen pentaksiran yang dibina oleh Unit Kurikulum dan Pentaksiran IKRAM Musleh untuk mentaksir akhlak murid. Instrumen ini digunakan di dalam satu program pentaksiran akhlak yang dijalankan secara berkala di semua sekolah IKRAM musleh.

Program pentaksiran ini melibatkan murid di sekolah rendah dan menengah. Instrumen untuk mengukur aspek afektif dan psikomotor khususnya aspek akhlak dalam bidang pendidikan Islam, masih berkurangan di Malaysia (Azimi et al. 2006). Azma Mahmood (2006) telah membina instrumen pentaksiran sendiri iaitu Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Sekolah Menengah (SPPIP-M). Seterusnya Ajmain (2012) membina Instrumen Pentaksiran Akhlak Malaysia menurut pentaksiran Rakan Sebaya (IPAM-RS) iaitu instrumen untuk mengukur tahap penghayatan akhlak melalui pentaksiran rakan sebaya.

Menurut Khodori Ahmad (2001), perhatian yang secukupnya tidak diberikan kepada bidang afektif kerana aspek itu terlalu subjektif. Oleh itu, terlalu sukar untuk membentuk satu instrumen yang mampu memberikan skor yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Maka, Pendidikan IKRAM Musleh telah mengambil inisiatif untuk membina satu instrumen bagi mentaksir pencapaian akhlak murid iaitulah PKPIM.

Tujuan kajian ini ialah untuk membuat penilaian terhadap pelaksanaan program pentaksiran akhlak murid dengan menggunakan instrumen pentaksiran PKPIM. Berdasarkan tujuan kajian ini, objektif kajian ialah untuk menilai PKPIM dalam penilaian proses dari aspek masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran.

Oleh itu, hasil kajian ini ialah untuk menjawab objektif kajian berkaitan penilaian proses iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran menggunakan instrumen PKPIM:

- a) Guru kurang faham bagaimana melaksanakan pentaksiran
- b) Murid kurang jelas matlamat pentaksiran
- c) Masa tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti pentaksiran

### 3.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian ini ialah kajian penilaian. Model penilaian yang dipilih hendaklah bersesuaian dengan tujuan kajian serta dapat menggambarkan keseluruhan program (Jamil 2002; Norasmah 2002). Oleh itu, pemilihan model penilaian yang sesuai adalah penting agar setiap aspek dan konstruk dalam instrumen PKPIM dapat dinilai. Dalam kajian ini, model penilaian yang dipilih ialah model penilaian KIPP (Konteks, Input, Proses dan Produk). Model penilaian ini dikemukakan oleh Stufflebeam (1971). Tujuan utama model ini ialah untuk membantu pentadbir melihat kepada keberkesanan penggunaan instrumen PKPIM di dalam program pentaksiran akhlak murid. Tujuan model penilaian ini selari dengan tujuan kajian ini dibuat di mana pengkaji hendak menilai sama ada pentaksiran akhlak murid dengan menggunakan instrumen pentaksiran PKPIM benar-benar dapat membentuk akhlak yang baik atau tidak.

Stufflebeam & Shinkfield (2007) menyatakan penilaian proses merupakan pemantauan proses pelaksanaan program dan menyediakan senarai rujuk utama untuk pemantauan berterusan. Matlamat utama penilaian proses ialah mendokumentasi maklumat proses dan menyediakan maklum balas mengenai:

- a) Sejauh mana aktiviti yang telah dirancang dapat dijalankan,
- b) Sama ada pelarasan atau semakan dibuat terhadap pelan tindakan.

Penilaian proses juga meliputi pengumpulan data yang telah ditentukan dan diterapkan dalam pelaksanaan program. Pada asasnya penilaian proses dilihat untuk mengetahui sejauh mana perubahan telah berlaku dan komponen mana perlu diberi penekanan.

Dalam kajian ini, penilaian telah dibuat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa menjalankan pentaksiran. Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah guru kurang faham bagaimana menjalankan pentaksiran, murid pula kurang jelas matlamat pentaksiran dan masa yang diperuntukan untuk sesi perjumpaan mingguan adalah tidak mencukupi.

### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan di semua sekolah rendah IKRAM Musleh yang mempunyai murid tahun enam. Responden kajian ini terdiri daripada guru yang menjadi mentor kepada murid-murid tahun enam di semua sekolah rendah IKRAM Musleh. Data yang diambil dari ibu pejabat Pendidikan IKRAM Musleh (Data Murid, 2019) menunjukkan murid tahun enam berjumlah 1,558 orang dan melibatkan seramai 131 orang guru. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Pemilihan soal selidik ini adalah berdasarkan rasional kajian ini adalah kajian penilaian yang menggunakan kaedah tinjauan melibatkan saiz sampel yang besar. Soalan-soalan di dalam instrumen ini disemak oleh empat orang pakar iaitu pakar dalam bidang pendidikan Islam, pakar dalam pembinaan instrumen, pakar dalam pendidikan akhlak dan pakar dalam kurikulum dan pedagogi pendidikan. Selepas melalui semakan pakar, pengkaji memulakan kajian rintis dengan turun ke sekolah dan mengedarkan soal selidik tersebut kepada guru-guru yang menjadi mentor kepada murid-murid tahun enam. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A ialah latar belakang responden, manakala Bahagian B bagi menilai dapatan responden berdasarkan proses.

Untuk melihat kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini, pengkaji merujuk kepada ketekalan dan konsistensi instrumen yang digunakan dalam kajian (Jackson 2006, Creswell 2012). Oleh itu, pengkaji telah menjalankan ujian ketekalan dalaman dengan melihat nilai Alfa Cronbach bagi instrumen Penilaian Konteks, Penilaian Input, Penilaian Proses dan Penilaian Produk. Pada peringkat kajian rintis, sebanyak 47 item telah dibina termasuk maklumat berkaitan demografi. Namun, setelah kajian rintis dijalankan melalui analisis Alfa Cronbach mendapati kesemua item adalah dikekalkan. Ini kerana kesemua item melepasi nilai pekali Alfa Cronbach sebagaimana yang dicadangkan oleh Hair et al. (2009) menyarankan nilai minimum Alfa Cronbach dalam sesebuah kajian tinjauan ialah 0.6. Pallant (2011) pula mencadangkan, bagi sesuatu instrumen yang baharu dibina atau di peringkat awal penyelidikan, nilai alfa 0.60 boleh diterima pakai. Analisis kebolehpercayaan untuk melihat nilai Alfa Cronbach dijalankan ke atas Penilaian Konteks, Penilaian Input, Penilaian Proses dan Penilaian Produk. Nilai pekali Alfa Cronbach yang digunakan dalam kajian ini diklasifikasi indeks kebolehpercayaan oleh Sekaran (2003) serta digunakan oleh Noornajihan (2014) seperti Jadual 1.

Jadual 1: Jadual Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach

Indikator	Nilai Alfa Cronbach
Baik	> 0.80
Sederhana (diterima)	0.60 – 0.79
Rendah (tidak diterima)	< 0.60

Sumber: Sekaran (2003)

Manakala dalam menentukan tahap penilaian pelaksanaan pentaksiran akhlak murid menggunakan instrumen PKPIM, pengkaji menggunakan jadual interpretasi oleh Nunally (1978).

Jadual 2: Interpretasi Min untuk penilaian pelaksanaan pentaksiran akhlak murid menggunakan instrumen pentaksiran PKPIM

Nilai Skor Min	Interpretasi Bahagian B, C & D
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi
3.41 hingga 4.20	Tinggi
2.61 hingga 3.40	Sederhana
1.81 hingga 2.60	Rendah
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah

Sumber: Adaptasi Creswell (2005)

Jadual 2 menunjukkan interpretasi min yang digunakan untuk menentukan tahap penilaian pelaksanaan pentaksiran akhlak murid menggunakan instrumen PKPIM. Skor min sangat rendah mempunyai julat antara 1.01 hingga 2.00, sederhana rendah julat antara 2.01 hingga 3.00, sederhana tinggi julat antara 3.01 hingga 4.00 dan tinggi julat antara 4.01 hingga 5.00.

Semua data dan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan ditukarkan dalam bentuk perangkaan dengan menggunakan IBM SPSS. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini kerana analisis ini paling kerap digunakan dalam kajian penilaian. Ini adalah disebabkan dalam kajian penilaian, banyak persoalan kajian adalah berbentuk deskriptif (Fitzpatrick et al. 2012). Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan dalam menghuraikan bahagian A dan B.

## 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Model penilaian KIPP (proses) bagi menggambarkan keseluruhan kajian memberikan hasil dapatan yang tinggi terhadap kajian yang dijalankan. Hasil dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif dalam Jadual 3 menunjukkan aspek bagi penilaian proses untuk masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran adalah juga tinggi.

Jadual 3: Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran

No	Item	STS	TS	SS	S	SS	Mean	SP	Interpretasi
Cii1	Guru kurang faham bagaimana menjalankan pentaksiran.	2 (2.2%)	3 (3.2%)	18 (19.4%)	41 (44.1%)	29 (31.2%)	3.99	.915	Tinggi
Cii2	Murid kurang jelas matlamat pentaksiran	2 (2.2%)	3 (3.2%)	20 (21.5%)	42 (45.2%)	27 (29.0%)	3.98	.859	Tinggi
Cii3	Masa yang tidak mencukupi bagi melaksanakan aktiviti pentaksiran	1 (1.1%)	11 (11.8%)	24 (25.8%)	35 (37.6%)	22 (23.7%)	3.71	.995	Tinggi
Keseluruhan							3.89	.791	Tinggi

Dalam kajian ini, masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru semasa menjalankan aktiviti pentaksiran telah dapat dikesan iaitu:

- guru kurang faham bagaimana menjalankan pentaksiran (44.1%)
- murid kurang jelas matlamat pentaksiran (45.2%)
- masa yang diperuntukan untuk sesi perjumpaan mingguan tidak mencukupi (37.6%)

## 6.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil dapatan kajian memberikan kesan yang positif kepada Unit Kurikulum dan Pentaksiran IKRAM Musleh untuk meneruskan program pentaksiran akhlak murid menggunakan instrumen pentaksiran PKPIM. Majoriti guru bersetuju bahawa instrumen pentaksiran PKPIM relevan dengan matlamat Falsafah Pendidikan IKRAM Musleh.

Oleh itu bagi menjayakan lagi program pentaksiran akhlak murid ini, dicadangkan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru ialah:

- a) Latihan secara berkala perlu diberikan kepada guru-guru agar mereka faham bagaimana menjalankan pentaksiran ini
- b) Sesi perkongsian amalan terbaik atau aktiviti pentaksiran yang dijalankan di sekolah-sekolah IKRAM Musleh perlu diadakan supaya guru-guru lebih faham bagaimana menjalankan aktiviti pentaksiran ini.
- c) sesi taklimat pentaksiran kepada murid perlu diperkemaskan dan dicadangkan supaya taklimat kepada murid ini diadakan sebanyak dua kali setahun.
- d) Guru-guru perlu mengadakan perjumpaan di luar waktu yang disediakan oleh pihak pengurusan sekolah supaya hubungan antara murid dan guru menjadi lebih rapat.

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat menilai pelaksanaan program pentaksiran akhlak murid di semua sekolah rendah IKRAM Musleh dari aspek konteks, input, proses dan produk. Penilaian ini membolehkan Unit Kurikulum IKRAM Musleh, ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah, pihak pengurusan sekolah, guru-guru mentor yang mentaksir murid dan murid-murid yang ditaksir mengetahui kekuatan dan kelemahan program pentaksiran ini. Adalah disarankan program pentaksiran akhlak murid ini diteruskan dengan mengambil kira cadangan penambahbaikan dalam usaha mempertingkatkan dan memantapkan akhlak murid.

## 7.0 RUJUKAN

- Ajmain. (2011). Instrumen Pentaksiran Akhlak Malaysia Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya (IPAM-RS). Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1998. *Ihya Ulum al-Din*. Jilid 1. Terj.TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.
- Azma Mahmood. (2006). Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W. (2002). *Educational Research – Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (2nd Ed). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Fitzpatrick, J.L., Sanders, J.R. & Worthen, B.R. (2004). *Program Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines*. Boston, MA: Pearson.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khodori Ahmad. (2001). Pentaksiran Holistik Berteraskan Al-Quran.
- Mohamad Fadzil. (2013). Menilai Keberkesanan Pelaksanaan Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah Pendidikan Sejarah Sekolah Rendah di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang.
- Norasmah Othman. (2002). Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Stufflebeam. (1971). *The Use of Experimental Design in Education Evaluation*.
- Stufflebeam. (2003). Components of Stufflebeam's CIPP Model.
- Stufflebeam. (2005). CIPP Model (Context, Input, Process, Product). Dlm S.Mathison (pnyt). *Encyclopedia of Evaluation*. Thousand Oaks. CA; Sage.